


Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 14/02/2023  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 16  
Tajuk : ANGKASA ada cara selesai isu telur kurang



SEORANG lelaki menyusun bekalan telur yang diterima untuk diagihkan kepada peniaga. — GAMBAR FAIL

Kenal pasti lebih 300 penternak telur dalam koperasi

## Angkasa ada cara selesai isu telur kurang

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

**MELAKA** – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menawarkan kerajaan ekosistem baharu yang dapat melumpuhkan sistem monopoli oleh kartel sedia ada, sekali gus menyelesaikan isu ketidakstabilan bekalan ayam dan telur.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya telah mengenal pasti lebih 300 penternak di dalam koperasi tersebut yang merupakan vendor kepada syarikat kartel.

Ujarnya, masalah ketidakstabilan bekalan timbul apabila

kesemua hasil ternakan itu telah dibeli oleh syarikat kartel untuk diagihkan kepada pembekal.

"Ikut rekod kita, pembekal-pembekal (kartel) dia juga bekalkan ayam, makanan ayam dan beli balik ayam diternak oleh penternak, itu yang jadi masalah kerana kalau mereka rasa nak naikkan harga makanan, dia akan naikkan.

"Jadi Angkasa cadangkan sebuah ekosistem baharu iaitu kesemua penternak ladang ini membekalkan terus bekalan ayam kepada lebih 3,000 rangkaian kedai runcit kita di seluruh negara, jangan bergantung kepada syarikat pengeluar utama yang sering mendatangkan

masalah," katanya ketika ditemui pemberita di Perindustrian Krubong, di sini semalam.

Tambahnya, sebagai badan yang turut menganggotai pertubuhan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik, Angkasa mempunyai rangkaian dengan ribuan koperasi di seluruh dunia dan sudah mengenal pasti negara yang boleh bekerjasama.

Katanya, ia termasuklah bagi mendapatkan bekalan makanan ayam dan anak ayam.

Mengulas lanjut beliau berkata, pihak telah mengemukakan cadangan itu secara dasar kepada Menteri Pertanian dan Kejurjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu bulan depan.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA